

## Sindiket dadah antarabangsa tumpas

5 Disember 2017



MOHD. KAMARUDIN MD. DIN (tengah) menunjukkan bungkus berisi dadah yang berjaya dirampas oleh pihak polis dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

# Sindiket dadah antarabangsa tumpas

Oleh ZULHISHAM ISHAK  
pengarang@utusan.com.my

### ■ JOHOR BAHRU 4 DIS.

**S**ATU sindiket dadah antarabangsa berjaya ditumpaskan dengan tertangkapnya tujuh warga tempatan yang dipercayai menjadi dalang utama sekali gus merampas pelbagai dadah, wang tunai dan aset dianggarkan bernilai hampir RM1 juta.

Kegiatan sindiket berkenaan berjaya dilumpuhkan menerusi kerjasama polis dari tiga negara selepas enam serbuan dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dan negeri ini Sabtu lalu.

Serbuan itu adalah kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) yang berkongsi maklumat dengan Polis Biro Narkotik (PNSB) di

Thailand serta Pusat Biro Narkotik di Singapura.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, dalam serbuan bermula pukul 10.15 malam itu, tujuh individu termasuk dua wanita berusia lingkungan 26 hingga 52 tahun yang dipercayai ahli sindiket terbabit diberkas.

"Dalam serbuan itu, sebanyak 8.2 kilogram (kg) dadah disyaki syabu, 1.5 kg (heroin), 605 gram (ketamin), 2,205 (pil khayal), 1,101 (pil erimin 5) serta 3,950 pil disyaki ekstasi dirampas.

"Polis juga menyita wang tunai bernilai RM144,756, pelbagai jenis barang kemas serta tujuh kereta mewah jenis Audi A4, BMW 528i, BMW 6 Series, Honda Accord, Kia Optima, Toyota Estima dan dua Honda Civic yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM915,553," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut hadir Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Asisten Komisioner Lukas Aket di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini hari ini.

Menurut Mohd. Kamarudin, hasil maklumat awal mendapati bekalan dadah yang dirampas itu disimpan di sebuah premis yang dijadikan stor simpanan oleh sindiket tersebut untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Siasatan terperinci masih dijalankan untuk mendapatkan punca bekalan dadah ini serta di mana makmal pembuatannya selain berapa lama ia telah menjalankan kegiatan ini," ujarnya.

Tambahnya, kesemua suspek direman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.